

Keberkesanan Aplikasi Smart Solat Sebagai Pemudahcara Pemahaman Tentang Solat

Shakinah Mustapha^{1*}, Farah Hanan Abu Bakar¹, Fayzatol Jamiyah Abdull Rahim¹
¹Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah, KM 7.5 Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak,
Malaysia

*Corresponding author: shakinahm@pmu.edu.my

Abstrak

Aplikasi *Smart Solat* telah dibangunkan dan diaplikasikan oleh pelajar pada sesi I 2022/2023 dan sesi II 2023/2024. Justeru, kajian ke atas aplikasi ini dibuat bagi menilai keberkesanan penggunaannya. Aplikasi *Smart Solat* telah dibangunkan bertujuan untuk membantu pelajar dalam meningkatkan keupayaan membaca bacaan dalam solat dengan lancar. Selain itu, aplikasi ini juga dihasilkan bagi memenuhi kehendak dan keupayaan pelajar dalam memperbaiki ibadah solat serta penggunaannya dapat memberi manfaat kepada pelajar institusi lain. Kajian keberkesanan ini dilaksanakan berbentuk kuantitatif melalui borang soal selidik yang diterjemahkan di dalam *google form*. Jumlah responden yang terlibat terdiri daripada 80 orang pelajar Islam sesi I 2022/2023 dan sesi II 2023/2024. Data kajian ini menggunakan skala likert 1 hingga 5 untuk ukuran hasil dapatan serta dianalisis bagi mendapatkan data deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 27.0* untuk mendapatkan nilai min, kekerapan dan peratusan. Analisis keberkesanan telah dijalankan untuk menentukan keserasian penggunaannya kepada pelajar. Hasil kajian ini mendapati majoriti responden bersetuju aplikasi ini memberikan manfaat kepada mereka seperti meningkatkan tahap penguasaan bacaan dalam solat dan membetulkan bacaan melalui audio yang telah disediakan. Sehubungan itu, ia menunjukkan keberkesanan yang sangat baik terhadap aplikasi *Smart solat* ini. Diharap inovasi aplikasi ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar Islam Politeknik Mukah setelah penambahbaikan dibuat hasil daripada maklumbalas kajian.

Kata kunci: - Keberkesanan, aplikasi, solat

1. Pengenalan

Aplikasi *Smart Solat* dibangunkan bertujuan untuk membantu pelajar supaya dapat meningkatkan keupayaan membaca bacaan dalam solat. Menurut Bahiyah (2020), menyatakan bahawa banyak aplikasi android telefon dibangunkan pada masa kini khususnya untuk keperluan pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelajar mudah untuk dapatkan bahan bacaan seperti nota melalui telefon pada ketika dan keberadaan yang diperlukan (Malik & Rana, 2020). Ianya dihasilkan bagi menepati kehendak dan keupayaan pelajar dalam memperbaiki ibadah solat. Dalam kajian Zhaffar et al. (2014) menjelaskan bahawa setiap muslim di muka bumi ini wajib mempelajari ilmu fardhu terutamanya dalam bab solat. Penggunaan inovasi selaras dengan kehendak pendidikan kini, telah banyak membantu pendidik lebih berinovasi serta kreatif dalam sesi pengajaran. Secara umumnya, kemajuan teknologi dan komunikasi dianggap sebagai teras utama dalam mentransformasikan sesebuah negara ke arah yang lebih berwawasan pada masa hadapan.

Berikutan wabak covid-19 yang telah mempengaruhi kehidupan sosial manusia, corak sistem pendidikan berubah mengikut kesesuaian

supaya pendidikan tidak ketinggalan. Sehubungan itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sebagai alternatif bagi menukarkan penyampaian secara bersemuka. Antara lainnya, dibangunkan aplikasi pembelajaran secara digital ini yang mempunyai pelbagai kelebihan yang diperolehi oleh pelajar. Pelajar boleh mengikuti sesi pembelajaran secara fleksibel tanpa terikat dengan jadual pembelajaran sebenar. Oleh demikian, *Smart Solat* telah dihasilkan bagi membantu pelajar dalam meningkatkan pengetahuan secara terperinci tentang solat dan boleh diakses di mana sahaja mereka berada. Kesimpulannya, melalui pembelajaran digital ini, ianya menarik minat pelajar dan meningkatkan potensi diri pelajar meneroka benda baharu. Selain itu, kaedah pembelajaran secara inklusif dan holistik dapat dipraktikkan dalam kalangan pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Silibus bagi kursus Pendidikan Islam serta Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam mengandungi topik cara hidup Islam. Salah satu kriteria pemarkahan bagi kursus tersebut adalah penilaian berterusan yang melibatkan amali solat. Penilaian amali solat ini

dilaksanakan secara individu oleh pelajar. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap analisis CLO (Course Learning Outcome) sesi II 2021:2022, pencapaian akademik pelajar dalam penilaian kerja kursus tunjuk cara amali solat adalah kurang memuaskan. Hal ini menunjukkan terdapat pelajar tidak dapat melaksanakan ibadah solat fardhu secara sempurna. Di samping itu juga, penguasaan sebahagian pelajar pada bacaan dalam solat sangat lemah dan tidak dapat membaca jawi atau bahasa arab dengan baik dalam membaca bacaan dalam solat. Terdapat pelajar yang langsung tidak menunaikan solat kerana disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan tentang solat, tiada rasa tanggungjawab dan kesedaran terhadap kewajipan solat fardhu. Mengenalpasti keberkesanan aplikasi *smart* solat sebagai pemudahcara pemahaman tentang solat di Politeknik Mukah.

1.3 Latar Belakang Aplikasi

Aplikasi *smart* solat ini dibangunkan menggunakan aplikasi *google sites* dan *thinkable*. Penggunaan aplikasi ini mudah dicapai dan tidak memerlukan kos. Aplikasi ini dapat diakses menggunakan telefon bimbit pada bila-bila masa oleh pelajar dan dimana sahaja keberadaannya. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *apps gallery Huawei* bagi pengguna android dan dijadikan *home screen* bagi pengguna *iphone* untuk memudahkan capaian aplikasi tersebut.

Kandungan yang terdapat di dalam aplikasi ini meliputi bacaan dalam solat, gambar rajah pelaksanaan solat, video tatacara solat dan kuiz bagi menguji pengetahuan pengguna tentang solat.

2. Tinjauan Literatur

Remaja tidak konsisten dan sering mengabaikan kewajipan solat lima waktu. Kenyataan ini diperkuatkan dengan kajian Ismail (2010), bahawa hasil dapatan tahap pengamalan solat fardhu menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu hanya 36% sahaja remaja yang konsisten dalam melaksanakan solat manakala 64% pula adalah tidak konsisten dan sering meninggalkan solat fardhu. Ini adalah kerana disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan tentang solat fardhu dalam kalangan masyarakat. Didapati segelintir pelajar tidak tahu tentang solat dari segi bacaan dan perbuatan solat.

Oleh demikian, bagi mengatasi isu tersebut, salah satu inisiatif untuk membantu pelajar dalam memahami tentang solat adalah dibangunkan aplikasi interaktif. Menurut Ajang & Yasin (2024), pada masa kini, penggunaan aplikasi interaktif dalam talian merupakan satu inisiatif bagi menggantikan kaedah konvensional. Hal ini kerana bagi meningkatkan

pemahaman, motivasi belajar dan secara tidak langsung meningkatkan pencapaian akademik pelajar abad ke-21 ini yang memerlukan pembelajaran yang berbeza pendekatannya.

Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan aplikasi memberi kemudahan untuk pelaksanaan penilaian serta boleh disesuaikan dengan pengajaran yang memerlukan kemahiran khusus mengikut pelan tindakan dan kaedah pembelajaran alam maya. Aplikasi pembelajaran juga merupakan penggunaan teknologi baharu yang membawa ke arah perubahan yang positif dalam kelas serta menambah kekerapan pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Dengan adanya aplikasi mudah alih ini menunjukkan bahawa ianya mempunyai kelebihan dari bahan bersifat konvensional dan ianya merupakan keperluan pelajar pada masa kini. Dapatan kajian mendapati seharusnya Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai inisiatif bagi menyambut baik aktiviti pembelajaran dalam kelas iaitu aplikasi perisian khas seperti penggunaan perisian Bahan Bantu Mengajar (BBM) multimedia yang dapat mengintegrasikan bahan-bahan media lain seperti audio, imej, animasi, grafik dan sebagainya supaya dapat menyediakan keperluan dan menambahkan motivasi serta menarik minat pelajar (Mahat et al., 2020). Menurut James et al. (2017), berdasarkan saranan KPM, penggunaan teknologi adalah digalakkan dalam proses pembelajaran supaya dapat mengasah kemahiran pelajar iaitu pemikiran kritikal, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti.

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini rekabentuk yang digunakan adalah kuantitatif. Menurut Yunus (2016), sesuatu kajian hendaklah mempunyai pelan atau strategi untuk menggambarkan bentuk sesuatu kajian itu dilakukan. Menurut Ghafar (2011), semua responden dalam kajian terdiri daripada populasi kajian. Populasi kajian yang terlibat adalah pelajar Islam Politeknik Mukah. Namun, sampel yang diambil secara rawak adalah seramai 80 orang pelajar Islam yang mengikuti kursus Pendidikan Islam serta Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam sesi I:2022/2023 dan sesi II:2024/2024 dijadikan sebagai responden.

Dalam kajian ini, borang soal selidik dibangunkan melalui perisian *google form* untuk diedarkan kepada responden. Menurut Lim et al. (2010), soal selidik yang diedarkan untuk memperoleh data dan maklumat daripada responden kajian. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: penyampaian aplikasi solat, dan Bahagian C: kandungan aplikasi *Smart Solat*. Bahagian B mempunyai 10 item manakala bahagian C mempunyai 9 item soalan. Penyelidik membangunkan

konstruk Skala Likert Lima Mata yang diberi nilai 1 hingga 5 iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak setuju, 3= Kurang Setuju, 4= Setuju dan 5=Sangat setuju.

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 untuk menganalisis data. Soalan-soalan kajian ini diadaptasi dari soal selidik kajian lepas daripada kajian Zokhi (2022), soal selidik boleh dibina merujuk kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang lain. Proses analisis data melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menghasilkan skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi. Bagi menganalisis data yang diperolehi, pengkaji menggunakan jadual interpretasi skor min diadaptasi daripada Warisman (2012) seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Nilai skor min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

4. Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini menjelaskan keputusan analisis data berdasarkan maklum balas responden terhadap soal selidik yang telah diedarkan. Jadual 2 diatas menunjukkan taburan kekerapan responden. Jumlah responden adalah 80 orang pelajar. 43 orang (53.8%) responden lelaki manakala 37 orang (46.3%) responden perempuan. Responden dari Jabatan Kejuruteraan Awam ialah 37 orang (46.3%). Diikuti Jabatan Kejuruteraan Elektrik 20 orang (25.0%). Seterusnya Jabatan Kejuruteraan Mekanikal 20 orang (25.0%), Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu 2 orang (2.5%) dan Jabatan Perdagangan hanya seorang sahaja (1.3%). Responden dari JTMK (2 orang) dan JP (seorang) adalah pelajar sesi I:2022/2023 yang merupakan responden pertama menggunakan aplikasi ini dan menjawab soal selidik sebelum diedarkan kepada kelas yang lain.

Jadual 2. Demografi responden

Ciri Demografi		N	Peratus%
Jantina	Lelaki	43	53.8
	Perempuan	37	46.3
Bidang Pengajian	Jabatan Kejuruteraan Awam	37	46.3
	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	20	25.0
	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	20	25.0
	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2	2.5
	Jabatan Perdagangan	1	1.3

Jadual 3 berkenaan penyampaian aplikasi solat yang merangkumi 10 item. Secara keseluruhannya untuk jadual 3 mencapai min sangat baik iaitu min=4.62, sisihan piawai=0.540. Melalui aplikasi *Smart Solat* ini dapat memberi kesan yang baik serta meningkatkan tahap pemahaman pelaksanaan solat pelajar. Disamping itu juga dapat meningkatkan mutu pembacaan dan makna dalam solat di kalangan pelajar. Hasil dapatan ini menunjukkan tahap keberkesanan aplikasi ini sangat baik. Justeru, ianya memudahkan pelajar memahami tentang solat.

Jadual 3. Penyampaian aplikasi *Smart solat*

	Min	Sisihan Piawai
B1. Aplikasi mesra pengguna	4.63	.603
B2. Pembelajaran menggunakan aplikasi ini menyeronokkan	4.59	.610
B3. Maklumat yang dipersembahkan mudah dan menarik	4.61	.584
B4. Aplikasi ini berkaitan dengan pembelajaran di Politeknik	4.55	.593
B5. Aplikasi ini sesuai digunakan dalam pembelajaran	4.61	.606
B6. Aplikasi ini memudahkan saya dalam menunaikan solat	4.65	.597
B7. Aplikasi ini membantu saya dalam bacaan solat	4.68	.569
B8. Aplikasi ini dapat diakses bila-bila masa	4.65	.576
B9. Aplikasi ini membantu saya memahami topik solat	4.64	.579
B10. Aplikasi ini mengukuhkan pengetahuan sedia ada saya	4.65	.576
Purata Min	4.62	.540

Skor item B7 ialah min=4.68, sisihan piawai=0.569 merupakan item yang mencapai min tertinggi "aplikasi ini membantu saya dalam bacaan solat". Penggunaan aplikasi interaktif ini boleh menarik dan memupuk minat murid terhadap yang dipelajarinya termasuk dalam subjek Pendidikan Islam. Manakala item B4 merupakan item yang rendah" aplikasi ini berkaitan dengan pembelajaran di Politeknik iaitu min=4.55 dan sisihan piawai=0.593. Secara umumnya, aplikasi ini adalah membantu pelajar Islam untuk memahami tentang solat dan memperelokkan bacaan dalam solat berdasarkan peningkatan keputusan kerja kursus amali solat yang telah dilaksanakan. Aplikasi ini tidak hanya tertumpu kepada silibus khusus di dalam kursus Pendidikan Islam.

Jadual 4 menunjukkan dapatan tentang kandungan aplikasi aplikasi *Smart Solat* yang dibangunkan. Item C3 "penerangan setiap topik adalah jelas" dan item C7 "fungsi butang dapat dikenalpasti secara mudah" mencapai jumlah tertinggi iaitu min=4.60, sisihan piawai=0.608. Ini menggambarkan bahawa kandungan aplikasi *Smart Solat* membantu untuk memudahkan pelajar dalam penggunaan aplikasi tersebut. Merujuk

kajian yang telah dijalankan, aplikasi yang dibangunkan berbentuk interaktif serta mempunyai kelainan tersendiri pasti akan dapat memudahkan pelajar dalam mencambahkan ilmu pengetahuan seterusnya menguasai pembelajaran dengan lebih baik.

Jadual 4. Kandungan aplikasi *Smart* solat

	Min	Sisihan Piawai
C1. Isi kandungan disusun dengan teratur	4.55	.614
C2. Ayat yang digunakan mudah untuk difahami	4.58	.591
C3. Penerangan setiap topik adalah jelas	4.60	.608
C4. Rekabentuk yang dihasilkan menarik	4.55	.614
C5. Grafik yang digunakan menarik	4.55	.614
C6. Warna yang digunakan bersesuaian	4.57	.612
C7. Fungsi butang dapat dikenalpasti secara mudah	4.60	.608
C8. Susunan butang adalah bersesuaian	4.56	.633
C9. Font tulisan yang digunakan bersesuaian	4.57	.632
Purata Min	4.57	.569

Nilai min yang terendah iaitu item C1, C4 dan C5 dengan nilai min=4.55 dan sisihan piawai=0.614. Secara keseluruhannya bahagian C mencapai min tinggi dengan min=4.57 dan sisihan piawai=0.569. Walaupun min purata bagi item C1, C4 dan C5 adalah rendah tetapi masih lagi di tahap yang sangat baik. Hal ini tidak menjejaskan rekabentuk aplikasi *Smart* solat memandangkan ianya mudah diaplikasikan oleh pelajar.

5. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan hasil maklumbalas yang sangat baik tentang keberkesanan aplikasi *smart* solat sebagai pemudahcara pemahaman tentang solat. Hasil kajian mendapati aplikasi yang dibangunkan dari segi penyampaian dan kandungan aplikasi *smart* solat berada pada tahap keberkesanan yang tinggi. Diharap kajian ini dapat menjadi panduan pensyarah Pendidikan Islam dalam penggunaan inovasi dan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan garis panduan kepada pengkaji-pengkaji yang lain berkaitan dengan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada pelajar.

Rujukan

Zokhi, A. N. M. (2022). Aplikasi Inovasi Q-Track Kit Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Modul Teoritikal: Innovative Application of Q-Track Kit in the Teaching and Learning Process for Theoretical Modules. *International Journal of*

Advanced Research in Future Ready Learning and Education, 27(1), 20-29.

Bahiyah, P. T. S. Kajian Keberkesanan Aplikasi Jkaptsb_Overview_App Di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Lim, D., Salleh, N. A., Yasin, S. M., Shahrhan, M. K., Yatim, A. M., & Habib, A. R. (2010). HBEF2503: Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. *Open University of Malaysia, Kuala Lumpur*.

Ajang, E. E., & Yasin, R. M. (2024). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Interaktif dalam Meningkatkan Motivasi serta Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002469-e002469.

Mahat, H., Arshad, S., Saleh, Y., Aiyub, K., Hashim, M., & Nayan, N. (2020). Penggunaan dan penerimaan bahan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran Geografi. *Malaysian Journal of society and space*, 16(3), 219-234.

Ismail, H. (2010). *Pengamalan solat fardhu di kalangan mahasiswa di tati university college (tatiuc), kemaman, terengganu* (Doctoral dissertation, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

James, A. J. E., Shamsiah, S. R., Lim, S. N., Chai, S. H., Quah, C. S., & Muhammad Sauki, R. (2017). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21.

Malik, S., & Rana, A. (2020). E-Learning: Role, advantages, and disadvantages of its implementation in higher education. *JIMS81-International Journal of Information Communication and Computing Technology*, 8(1), 403-408.

Ghaffar, M. N. A. (2011). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah Edisi Kedua*. Penerbit UTM Press.

Zhaffar, N. M., Akbar, W. A., Nuh, M., Ariffn, Z. (2014). Model Simulasi Waktu Solat (M.S.W.S): Inovasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran Kaedah Penentuan Waktu Solat. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*.

Warisman, R. (2012). Skala pengukuran variable-variable: Penelitian Edisi ke-9. *Alfabeta, Bandung*.

Yunus, R. B. (2016). *Keberkesanan Kad Imbasan Bergambar Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Suku Kata Jawi Dalam Kalangan Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, Muar, Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Islam Malaysia).